

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Pro?

Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Pro memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM82.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none">Kematian akibat kemalangan – RM50,000Hilang upaya kekal akibat kemalangan – sehingga RM50,000Indemniti berganda – RM50,000Perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan – sehingga RM3,000Rawatan perubatan alternatif (sub-had) – RM50 bagi setiap lawatan; sehingga RM500Bayaran laporan perubatan – sehingga RM150Bayaran ambulans – sehingga RM500Pendapatan harian hospital – RM100 sehari, sehingga 120 hariKematian akibat demam denggi – RM5,000Luka lecur – sehingga RM5,000Fraktur tulang – sehingga RM5,000Kos penggantian atau pengambilan – sehingga RM5,000Liabiliti diri – sehingga RM50,000Elaun perkabungan – RM1,000Penghantaran pulang jenazah – sehingga RM5,000Elaun koma – RM1,000Manfaat prostesis, kerusi roda dan ubah suai rumah – sehingga RM2,000Manfaat penyembuhan – RM500Kecurian ragut – sehingga RM250Transfusi darah – RM5,000Indemniti kad kredit – sehingga RM1,000	<ul style="list-style-type: none">Risiko peperanganRisiko nuklearHIV/AIDSKecederaan diri sendiri yang disengajakanMembunuh diriSebarang jenis penyakit (kecuali penyakit yang dinamakan secara khusus di bawah Seksyen 7 – Kematian akibat Demam Denggi)Melahirkan anak, keguguran dan kehamilanKeadaan yang sedia ada, kecacatan fizikal atau mental atau kelemahanDi bawah pengaruh alkohol dan dadahOperasi polis atau tenteraAktiviti udara selain sebagai penumpang dalam pesawat yang berlesenSukan profesional atau semi-profesionalSukan bermotorPersembahan berisiko tinggiPekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggiMelakukan aktiviti jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Manfaat Pilihan Manfaat Mingguan
- Manfaat Pilihan Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Pro ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM82.00 setahun
Perlindungan Tambahan	1. Manfaat Mingguan (RM10.00 untuk Pelan 2) 2. Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga (RM10.00 untuk Pelan 2)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM102.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028, dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	25% daripada premium atau RM25.50 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM8.16

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Ia merupakan syarat utama dan mutlak kontrak insurans ini bahawa The Pacific Insurance Berhad mesti menerima premium yang perlu dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh kuat kuasa polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan.
- Kelayakan:
 - (a) Orang Yang Diinsuranskan mestilah merupakan seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah di Malaysia atau tinggal secara sah di Malaysia.
 - (b) Pada tarikh kuat kuasa polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur di antara 16 hingga 70 tahun, dan boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun.
 - (c) Jika umur Orang Yang Diinsuranskan berada di antara 71 tahun hingga 80 tahun:
 - (i) dia tidak layak untuk manfaat di bawah Seksyen 6 – Pendapatan Harian Hospital dan Seksyen 9 – Fraktur Tulang.
 - (ii) Jumlah Prinsipal Diinsuranskan di bawah Seksyen 1 – Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal terhad kepada maksimum RM500,000, atau sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual Polisi, mana-mana yang lebih rendah.
 - (d) Tiada perlindungan diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang berumur kurang dari 16 tahun atau melebihi 80 tahun, kecuali dengan kelulusan dari The Pacific Insurance Berhad.
 - (e) Tiada perlindungan diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang berumur kurang dari 16 tahun atau melebihi 80 tahun, kecuali dengan kelulusan dari The Pacific Insurance Berhad.Sekurang-kurangnya 5 pekerja ("Orang Yang Diinsuranskan") diperlukan untuk layak mendapat perlindungan di bawah polisi ini.
- Jumlah Diinsuranskan dan/atau had untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk tempoh insurans.
- Peningkatan atau penurunan pelan hanya dibenarkan semasa pembaharuan sahaja.
- Penambahan atau pembatalan Manfaat Pilihan di pertengahan tempoh insurans tidak dibenarkan. Manfaat Pilihan hanya boleh dibatalkan sama ada pada waktu pembaharuan atau apabila keseluruhan polisi Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Pro dibatalkan.
- Anda atau Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 14 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap serta dokumen yang berkenaan kepada The Pacific Insurance Berhad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dan syarikat akan membayar balik sebarang premium bagi tempoh insurans yang belum tamat, dikira mengikut kadar tempoh pendek The Pacific Insurance Berhad, dengan syarat tiada tuntutan yang timbul dalam tempoh insurans. Tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM60 yang akan disimpan oleh syarikat.

The Pacific Insurance Berhad boleh membatalkan polisi ini atau insurans berkenaan dengan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis selama 7 hari kepada anda. The Pacific Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda bahagian berkadar premium yang bersamaan dengan tempoh insurans yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa tempoh insurans.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Manfaat Pilihan Manfaat Mingguan?

Manfaat Pilihan Manfaat Mingguan memberikan pampasan mingguan kepada Orang Yang Diinsuranskan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami hilang upaya menyeluruh sementara atau hilang upaya separa sementara.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM10.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan) bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Manfaat Pilihan ini melindungi:	Manfaat Pilihan ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none">Hilang upaya menyeluruh sementara – RM50 setiap minggu, sehingga 52 mingguHilang upaya separa sementara – RM25 setiap minggu, sehingga 52 minggu	<ul style="list-style-type: none">Sebarang tempoh hilang upaya yang melebihi 52 minggu dari tarikh kemalangan. <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Manfaat Pilihan Manfaat Mingguan ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Manfaat Pilihan	RM10.00 setahun
Jumlah premium Manfaat Pilihan yang anda perlu bayar ialah RM10.00 setiap Orang Yang Diinsuranskan.	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	Tidak berkenaan
Komisen	25% daripada premium atau RM2.50 (termasuk dalam jumlah premium Manfaat Pilihan)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM0.80

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Ia merupakan syarat utama dan mutlak kontrak insurans ini bahawa The Pacific Insurance Berhad mesti menerima premium yang perlu dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh kuat kuasa polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan.
- Kelayakan: Orang Yang Diinsuranskan mestilah berusia di bawah 71 tahun.
- Jumlah diinsuranskan dan/atau had untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk tempoh insurans.
- Peningkatan atau penurunan pelan untuk Manfaat Pilihan hanya dibenarkan semasa pembaharuan sahaja.
- Anda atau Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 14 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap serta dokumen yang berkenaan kepada The Pacific Insurance Berhad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan Manfaat Pilihan saya?

Pembatalan Manfaat Pilihan Manfaat Mingguan semasa tempoh insurans adalah tidak dibenarkan. Manfaat Pilihan hanya boleh dibatalkan sama ada pada waktu pembaharuan atau apabila keseluruhan polisi Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Pro dibatalkan.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Mac 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Manfaat Pilihan Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga?

Manfaat Pilihan Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga memberikan pampasan kepada ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan yang menyertai acara tersebut dan mengalami kecederaan tubuh badan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak RM10.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan), anda akan mendapat perlindungan berikut:

Manfaat Pilihan ini melindungi:	Manfaat Pilihan ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none">Kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal – sehingga RM25,000Perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan – sehingga RM1,000	<ul style="list-style-type: none">Sebarang kecederaan badan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan selepas 5 hari pertama acara yang dianjurkan oleh Pemegang Polisi. <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Manfaat Pilihan Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Manfaat Pilihan	RM10.00 setahun
Jumlah premium Manfaat Pilihan yang anda perlu bayar ialah RM10.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	Tidak berkenaan
Komisen	25% daripada premium atau RM2.50 (termasuk dalam jumlah premium Manfaat Pilihan)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM0.80

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Ia merupakan syarat utama dan mutlak kontrak insurans ini bahawa The Pacific Insurance Berhad mesti menerima premium yang perlu dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh kuat kuasa polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan.
- Kelayakan: Manfaat Pilihan ini layak untuk pasangan sah dan/atau anak tanggungan.
Anak Tanggungan, bermaksud Anak Tanggungan Orang Yang Diinsuranskan yang belum berkahwin (termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang) selagi mereka berumur di bawah 19 tahun atau di bawah 25 tahun jika mereka merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dan dalam mana-mana kes, bergantung kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk keperluan hidup dan sokongan.
- Jumlah diinsuranskan dan/atau had untuk semua manfaat di atas adalah terpakai untuk tempoh insurans.
- Peningkatan atau penurunan pelan untuk Manfaat Pilihan hanya dibenarkan semasa pembaharuan sahaja.
- Anda atau Orang Yang Diinsuranskan mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad dalam tempoh 14 hari selepas berlakunya kemalangan dan menyerahkan borang tuntutan yang lengkap serta dokumen yang berkenaan kepada The Pacific Insurance Berhad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan Manfaat Pilihan saya?

Pembatalan Manfaat Pilihan Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga semasa tempoh insurans adalah tidak dibenarkan. Manfaat Pilihan hanya boleh dibatalkan sama ada pada waktu pembaharuan atau apabila keseluruhan polisi Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Pro dibatalkan.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

1. Jadual Manfaat dan Premium

Manfaat Asas

SEK.	MANFAAT		PELAN DAN JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)							
			Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
1.	A. Kematian Akibat Kemalangan	Jumlah Prinsipal Diinsuranskan	30,000	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
	B. Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan									
2.	Indemniti Berganda , semasa perjalanan (termasuk luar negara) sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana: <ul style="list-style-type: none"> • pengangkutan awam; atau • perkhidmatan e-hailing yang diluluskan oleh kerajaan 		Membayar tambahan 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan di bawah Seksyen 1, sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal atau lumpuh keseluruhan badan dari leher ke bawah atau kehilangan keseluruhan penggunaan kekal sekurang-kurangnya dua anggota badan							
3.	Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan Akibat Kemalangan		1,000	3,000	4,000	5,000	6,000	10,000	12,000	15,000
	<ul style="list-style-type: none"> • Rawatan Perubatan Alternatif (Sub-had) 		50 bagi setiap lawatan; sehingga maksimum 500							
4.	Bayaran Laporan Perubatan		150							
5.	Bayaran Ambulans		500							
6.	Pendapatan Harian Hospital (Sehingga 120 hari)		50	100	100	150	150	200	200	250
			setiap hari							
7.	Kematian Akibat Demam Denggi		10% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan di bawah Seksyen 1							
8.	Luka Lecur (tahap kedua, tahap ketiga dan ke atas)		5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000
9.	Fraktur Tulang		5,000							
10.	Kos Penggantian atau Pengambilan		5,000							
11.	Liabiliti Diri		30,000	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
12.	Elaun Perkabungan		1,000	1,000	3,000	3,000	3,000	5,000	5,000	5,000
13.	Penghantaran Pulang Jenazah		5,000	5,000	8,000	8,000	8,000	10,000	10,000	10,000
14.	Elaun Koma		1,000							
15.	Manfaat Protesis, Kerusi Roda dan Ubah Suai Rumah		2,000							
16.	Manfaat Penyembuhan		500							
17.	Kecurian Ragut		250	250	350	350	350	500	500	500
18.	Transfusi Darah		10% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan di bawah Seksyen 1							
19.	Indemniti Kad Kredit		1,000							

PREMIUM (SETIAP ORANG YANG DIINSURANSKAN/ PEKERJA)		PELAN (RM)							
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
5 – 20 pekerja	Kelas 1 dan 2	53	82	122	190	257	410	566	725
	Kelas 3	74	116	170	262	350	Tidak Berkenaan		
21 – 50 pekerja	Kelas 1 dan 2	50	78	116	180	243	388	537	687
	Kelas 3	70	110	161	248	332	Tidak Berkenaan		
51 – 100 pekerja	Kelas 1 dan 2	48	73	109	170	230	367	507	649
	Kelas 3	66	104	152	234	313	Tidak Berkenaan		
101 pekerja dan ke atas	Kelas 1 dan 2	45	69	103	160	216	345	477	611
	Kelas 3	62	98	143	220	295	Tidak Berkenaan		

Manfaat Pilihan

NO.	MANFAAT PILIHAN		PELAN (RM)							
			Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
1.	Manfaat Mingguan (sehingga 52 minggu)	Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (setiap minggu)	50	100	150	200	250	300	400	500
		Hilang Upaya Separa Sementara (setiap minggu)	25	50	75	100	125	150	200	250
2.	Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga	Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal	25,000							
		Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan akibat Kemalangan	1,000							

PREMIUM (SETIAP ORANG YANG DIINSURANSKAN/ PEKERJA)		PELAN (RM)							
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
Manfaat Mingguan	Kelas 1 dan 2	10	10	12	15	18	22	30	35
	Kelas 3	12	12	15	20	25	Tidak Berkenaan		
Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga	Kelas 1 dan 2	10							
	Kelas 3	15					Tidak Berkenaan		

Nota: Premium tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan.

2. Klasifikasi Pekerjaan

Kelas 1	Pekerjaan yang melibatkan kerja bukan manual, pengurusan atau pekerjaan yang hanya di pejabat sahaja atau tempat yang tidak berbahaya.
Kelas 2	Pekerjaan yang melibatkan kerja-kerja penyeliaan atau perjalanan di luar pejabat untuk tujuan perniagaan, tetapi tidak terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan tenaga buruh.
Kelas 3	Pekerjaan yang melibatkan kerja manual, sama ada sesekali atau biasa, yang tidak begitu berbahaya tetapi memerlukan penggunaan peralatan atau mesin, dengan pengecualian mesin perkayuan.

Pekerjaan yang Dikecualikan

Polis, angkatan tentera, juruterbang dan kru udara, atlet profesional, penyelam, pelumba kenderaan, penghibur profesional, akrobat, individu yang menggunakan mesin perkayuan atau gergaji bulat, bekerja sebagai blaster, pembuat bahan letupan, bomba, pekerja bawah tanah, pembersih tingkap bangunan tinggi, pekerja pembalakan atau kilang papan, kelasi, kru kapal atau nelayan.